

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Kategori Pertama : 1 hingga 10 Juzuk dan Tarannum

1. Peserta Kategori Pertama hendaklah berumur tidak kurang dari 7 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tarikh Majlis Menghafaz Al- Quran Peringkat Kebangsaan tahun berkenaan.
2. Seseorang peserta yang pernah mendapat Johan Kategori Pertama atau pernah mengambil bahagian dalam kategori yang lebih tinggi, ia tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini pada tahun-tahun berikutnya. Sekiranya tidak mendapat Johan, ia dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini hanya setakat tiga kali sahaja, tetapi dibenarkan mengambil bahagian pada kategori yang lebih tinggi.

Kategori Kedua : 1 hingga 20 Juzuk

3. Peserta Kategori Kedua hendaklah berumur tidak kurang dari 7 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tarikh Majlis Menghafaz Al- Quran Peringkat Kebangsaan tahun berkenaan.
4. Peserta Kategori Kedua hendaklah belum pernah mengambil bahagian dalam Kategori Ketiga pada tahun-tahun sebelumnya.
5. Peserta Kategori Kedua hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini sebanyak tiga kali sahaja (berturut-turut atau berselang) sama ada pernah mendapat Johan atau tidak, tetapi dibenarkan mengambil bahagian dalam Kategori Ketiga.

Kategori Ketiga : 1 hingga 30 Juzuk dan Tafsir

6. Peserta Kategori Ketiga hendaklah berumur tidak kurang dari 7 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tarikh Majlis Menghafaz Al- Quran Peringkat Kebangsaan tahun berkenaan.
7. Setiap peserta dalam Kategori Ketiga hanya dibenarkan menyertai Majlis Menghafaz Al- Quran Peringkat Kebangsaan sebanyak tiga kali sahaja dan tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam Kategori Pertama dan Kedua.

Syarat-syarat Umum

8. Semua peserta hendaklah terdiri daripada rakyat Negeri Perak yang beragama Islam dan pemegang kad pengenalan kod Negeri Perak (08/36/37/38/39).
9. Peserta sekolah hendaklah menyertai Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Perak melalui sekolah sahaja dengan pengesahan pihak sekolah.
10. Setiap sekolah hendaklah menghantar **3 calon yang terbaik** untuk setiap kategori sahaja. Jika terdapat lebih dari 3 calon, pihak urusetia **berhak untuk menolak permohonan tersebut**.
11. Peserta yang menyertai Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri melebihi satu negeri dalam tahun yang sama **tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan** pada tahun berkenaan. Jika ia dapat dikesan maka penyertaannya **TERBATAL**.

12. Peserta perempuan yang menyertai Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri hendaklah dalam keadaan tidak uzur syari semasa ujian dijalankan kepadanya.
13. Peserta lelaki hendaklah memakai Pakaian Kebangsaan yang lengkap dan kemas (bersongkok, bersamping, berbutang baju, berkasut dan bersarung kaki) semasa majlis berlangsung khususnya ketika mempersembahkan bacaan dan Majlis Penyampaian Hadiah.
14. Setiap peserta perempuan hendaklah memakai pakaian yang sesuai (menutup aurat) dan tidak dibenarkan menutup muka ketika mempersembahkan bacaan dan Majlis Penyampaian Hadiah.
15. Peserta yang benar-benar memerlukan bantuan sama ada disebabkan oleh kecacatan anggotanya atau kurang upaya, boleh membawa seorang pengiring ke majlis ini dan memaklumpkannya kepada urus setia.

Jenis dan Cara Bacaan

16. Peserta hendaklah membaca riwayat Hafs (Tariq Shatibi), tetapi bagi peserta yang ingin membaca selain daripada riwayat tersebut, hendaklah terlebih dahulu memaklumkan kepada urus setia.
17. Peserta dikehendaki mempersembahkan hafazan secara *tadwir* sahaja, manakala bagi soalan tarannum peserta dikehendaki mempersembahkan bacaan secara *tahqiq*.
18. Peserta dikehendaki membawa sekurang-kurangnya dua lagu daripada lagu asas dalam keseluruhan hafazannya.

**** BORANG HENDAKLAH DIKEMBALIKAN SEBELUM ATAU PADA SELEWAT-LEWATNYA
08 JANUARI 2021 (JUMAAT) JAM 03.00 PETANG.**